

# **Nota Percakapan**

**MAJLIS PERASMIAN  
PROGRAM UPSI SMART HOME SCHOOLING@JOHOR**

**22 JULAI 2023 (SABTU)  
SMK TAN SRI JAAFAR ALBAR,  
KOTA TINGGI, JOHOR**

- 1. Terima kasih semua atas sumbangan dan inisiatif yang baik.**
- 2. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang merancang, menyusun serta menjayakan Program *UPSI Smart Home Schooling@Johor* ini.**
- 3. Terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Md Amin bin Md Taff, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris serta seluruh warga UPSI atas kesudian melaksanakan Program *UPSI Smart Home Schooling@Johor* ini di kawasan Kota Tinggi, Johor.**
- 4. Tidak ketinggalan, pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Tan Sri Jaafar Albar, ibu bapa, para guru, Pejabat Pendidikan Daerah Kota Tinggi dan Majlis Daerah Kota Tinggi serta semua yang terlibat.**
- 5. Malah, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada PTPTN yang turut sudi menjayakan program pada hari ini. Khususnya melalui pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) serta bantuan bersasar kepada para penerima yang layak.**
- 6. Terima kasih semua kerana mengambil inisiatif untuk membantu masyarakat di sini.**
- 7. Mewakili warga Kota Tinggi, saya sangat menghargai dedikasi, sentuhan penuh santun serta perkongsian yang dilakukan ini.**
- 8. **Universiti dan sumbangan pentingnya dalam membangunkan masyarakat.****
- 9. Di pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), saya sering menegaskan kepada semua IPT untuk sentiasa mendekati masyarakat.**

10. Masyarakat memerlukan sumbangan, bimbingan serta sentuhan pihak universiti untuk terus berkembang dan menjadi semakin baik.
11. Jika dalam dunia korporat kita mempunyai Tanggungjawab Sosial Korporat atau CSR, di pihak IPT juga begitu. Mereka harus melakukan University Social Responsibility (USR) atau Tanggungjawab Sosial Universiti.
12. Mereka yang berada di menara gading, sama ada tenaga akademik, penyelidik apatah lagi mahasiswa, mesti mendekati dan berbakti kepada masyarakat.
13. Walau bagaimanapun, kita juga mesti serius dan mengambil tanggungjawab ini dengan cara yang lebih besar. Ia bukan sekadar melakukan program-program yang bersifat libat urus, atau keramaian atau aktiviti-aktiviti sukaneka.
14. Sebaliknya, tanggungjawab sosial universiti mesti dirancang sebagai satu khidmat masyarakat dengan cara yang benar-benar menyumbang kepada masyarakat secara bermakna.
15. Sumbangan dan khidmat bakti yang mesti dicirikan dengan beberapa perkara seperti:
  - Mempunyai impak yang mampu mengubah cara hidup, mentaliti atau kualiti kehidupan masyarakat setempat.
  - Membantu meningkatkan potensi atau kekuatan setempat termasuklah bakat anak-anak muda dan golongan yang memerlukan bantuan.
  - Mempunyai kesan yang benar-benar dirasai secara berpanjangan atau dapat dilihat secara berterusan sekali pun selepas program tamat.
  - Tidak bersifat sepintas lalu atau menyentuh secara permukaan. Sebaliknya, memfokuskan secara serius kepada isu-isu besar atau penting yang dihadapi oleh masyarakat yang disantuni tersebut.
16. **Kepentingan Membangunkan kecemerlangan pendidikan dalam masyarakat Kota Tinggi.**

17. Pendidikan adalah cara paling ampuh dan berkesan untuk menghak-upayakan individu dan masyarakat.
18. Dalam konteks pendidikan menengah, SPM adalah satu peringkat yang sangat kritikal. Ia akan menentukan kesinambungan pendidikan di peringkat pengajian tinggi. Malah, SPM sering menjadi prasyarat kepada banyak perkara lain termasuklah peluang dalam alam pekerjaan.
19. Atas dasar itu, sebarang program yang bertujuan membantu meningkatkan kecemerlangan dalam SPM, atau pencapaian akademik secara umumnya, adalah sangat dialu-alukan.
20. Bagi Program *UPSI Smart Home Schooling@Johor* ini, ia adalah satu inisiatif khas yang baik dari Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam membantu anak-anak serta guru-guru di sekolah membuat persediaan dan memperkuuhkan pencapaian SPM.
21. **Bagi memastikan impaknya dicapai secara optimum dan dirasai oleh lebih ramai pelajar, inisiatif ini akan melibatkan enam (6) sekolah iaitu SMK Tan Sri Jaafar Albar, SMK Air Tawar, SMK Seri Aman, SMK Bandar Easter, SMK Lokman Hakim, dan SMK Bandar.**
22. Jadi, saya harap, kesemua sekolah yang terlibat akan **mengambil peluang ini untuk memanfaatkan sebaik mungkin kelas tuisyen percuma** yang akan digerakkan oleh warga UPSI dan guru-guru yang terlibat.
23. Ia adalah program tuisyen yang akan **dijalankan secara bersempuka dan atas talian dengan berfokuskan lima (5) mata pelajaran teras** iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah kepada calon SPM 2023.
24. Selain berkonsepkan mentor dan mentee, pelaksanaan program ini akan **turut melibatkan secara langsung guru-guru sekolah di Daerah Kota Tinggi yang merupakan Alumni UPSI.**
25. Ia adalah satu bentuk kerjasama yang baik dan mesti dimanfaatkan sepenuhnya oleh pihak sekolah dan murid-murid yang menyertainya.

26. Perkara ini sangat penting kerana, dalam setiap **program dan khidmat masyarakat yang dirancang oleh IPT, ia mesti melibatkan secara terus masyarakat setempat** secara bersama.
27. Ini bagi memastikan wujud kesinambungan kepada usaha baik yang telah dimulakan ini.
28. Kepada para pelajar dan ibu bapa, ambillah ruang dan peluang ini dengan sebaiknya.
29. Sasaran kita untuk memastikan program ini berupaya meningkatkan kecemerlangan para pelajar di Kota Tinggi dalam SPM yang bakal mereka tempuh kelak, hanya akan tercapai apabila semua pihak memberikan yang terbaik.
30. **Usaha memudahkan penyertaan dalam pendidikan tinggi.**
31. Selain memastikan kecemerlangan dalam SPM, kita sedar SPM sahaja adalah sangat tidak mencukupi.
32. Atas dasar itu, **fokus turut diberikan kepada usaha memastikan ramai anak-anak muda Kota Tinggi melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi selepas menamatkan SPM.**
33. Kota Tinggi akan terbangun dengan lebih baik apabila ramai anak-anak tempatan berpendidikan dan berkemahiran.
34. Semangat, minat dan cita-cita untuk masuk ke universiti dan melanjutkan pendidikan tinggi, mesti kita semai dan suburkan dengan serius.
35. Saya akan terus membawa lebih banyak universiti untuk datang ke Kota Tinggi. Kita mahu masyarakat, sama ada ibu bapa mahu pun anak-anak muda sendiri, melihat penting dan seronoknya untuk ke universiti.
36. **Azam saya adalah untuk memastikan seramai mungkin warga Kota Tinggi mendapat pendidikan tinggi. Kota Tinggi mesti menjadi contoh dalam pendidikan tinggi.**
37. Di pihak KPT, pelbagai perubahan dasar telah dan sedang diusahakan bagi memastikan pendidikan tinggi boleh diakses dan diikuti oleh semua pihak. Tanpa dibatasi status dan kedudukan ekonomi keluarga.

38. Antara usaha yang dilakukan tersebut termasuklah **memberikan pendahuluan pinjaman agar para pelajar tidak mempunyai kekangan dan masalah untuk mendaftar** dan masuk ke IPT.
39. Malah, bermula pada tahun ini juga, **seramai 10 ribu orang pelajar yang merupakan wakil pertama dari keluarga B40 yang berjaya masuk ke universiti, akan kita berikan bantuan khas dengan mengecualikan sepenuhnya yuran pendidikan tinggi** mereka.
40. Kita mahu semua orang minat, bercita-cita dan berpeluang melanjutkan pengajian tinggi.
41. Marilah kita semua berusaha dengan segala kapasiti yang kita ada untuk bersama-sama memastikan pendidikan tinggi menjadi satu sasaran dan pilihan penting kepada semua anak-anak muda di Kota Tinggi.